

12/04/2002

Petronas cari jalan salur gas dari Teluk Siam

Abdul Halim Yusoff

PETRONAS, akan mencari jalan menyalurkan gas dari kawasan pembangunan bersama (JDA) Malaysia-Thailand di Teluk Siam ke Malaysia dengan apa cara sekali pun, kata Presiden/Ketua Eksekutifnya Tan Sri Mohd Hassan Marican.

"Kami sedang mempertimbangkan pelbagai pilihan berbuat demikian termasuk mengepam gas dari JDA ke loji luar pesisir Terengganu seperti Lawit atau Jerneh," katanya kepada media yang melawat kompleks petrokimia bersepadu Petronas di Kertih, Terengganu, kelmarin.

Projek saluran paip gas 352 kilometer dari Songkhla, Thailand ke Kedah dibangunkan secara usaha sama 50:50 antara Petronas dan PTT Plc (PTT).

Mengikut kontrak yang dimeterai pada November 1999, Petronas akan menerima 50 peratus gas daripada projek RM3 bilion itu mulai Julai 2002.

Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan Petronas dikenakan penalti. Projek itu sudah mendapat kelulusan Kajian Kesan Alam Sekitar (EIA).

Bagaimanapun, projek saluran paip gas dari Songkhla tertangguh hampir dua tahun berikutan bantahan penduduk tempatan yang mendakwa paip itu menjejaskan alam sekitar dan mutu hidup.

Mohd Hassan berkata, Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra, akan membuat keputusan berhubung kemungkinan perubahan laluan projek itu akhir bulan ini.

Thaksin sudah mengarahkan Pejabat Dasar Tenaga Kebangsaan Thailand menilai dengan mendalam laluan alternatif yang dicadangkan pemaju serta pengendali projek itu, Trans Thai-Malaysia Co (TTM).

"Jika projek saluran paip gas tertangguh, Petronas akan tetap membawa balik haknya dengan apa cara sekali pun," katanya merujuk kepada pegangan 50 peratus Petronas dalam syarikat usaha sama itu.

JDA dibangunkan di tiga blok dalam kawasan 7,520 kilometer persegi dan ditadbir Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thai (MTJA) yang dibangunkan pada 1990.

Agensi berita AP semalam, melaporkan Thaksin mencadangkan laluan projek saluran paip gas itu dipindahkan 20 kilometer ke utara lokasi asal bagi menamatkan bantahan penduduk tempatan.

Thaksin dipetik sebagai berkata, projek itu boleh dipindahkan ke kawasan berpenduduk jarang di tanah milik kerajaan.

Cadangan asal projek itu akan melalui lima kampung di pinggir pantai selatan Thai serta pembinaan sebuah loji pemisah gas di Teluk Songkhla.

Gas dari kawasan JDA disasarkan untuk digunakan syarikat penjana tenaga bebas (IPP) di utara Semenanjung Malaysia.

Petronas akan mengimport gas dari Pulau Natuna Barat, Indonesia yang saluran paipnya disambungkan ke loji luar pesisir Duyung di Terengganu, mulai Ogos depan.

Sementara itu, Mohd Hassan berkata, sejumlah RM70 bilion sudah dilaburkan sejak 1976 untuk membangunkan kompleks bersepadu petrokimia di Kertih, Terengganu.

Daripada jumlah itu, katanya, RM40 bilion adalah pelaburan langsung asing (FDI) sekali gus menjadikan Kertih lokasi tumpuan FDI terbesar di Malaysia.

Selepas 20 tahun, Kertih menjelma sebagai lokasi yang menempatkan kompleks petrokimia terbesar dan mungkin paling sibuk di dunia.

Meliputi kawasan seluas hampir 4,000 hektar, kompleks petrokimia bersepadu itu kini menjadi tuan rumah kepada nama besar dalam industri petrokimia yang berdaya saing dan intensif modal.

Syarikat seperti Dow Chemical, ExxonMobil, DSM, Sasol dan Mitsui & Co, membuktikan daya saing Malaysia berbanding Singapura dan Indonesia yang pasaran petrokimianya jauh lebih matang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan kompleks berkenaan pada 9 Mei ini.

Produk utama kompleks petrokimia bersepadu di Kertih termasuk gas methane, ethane, propane, butane dan kondensat.

Campuran propane dan butane membentuk gas cecair asli (LPG), ethane ialah bahan mentah industri hiliran petrokimia dan methane pula digunakan dalam sektor tenaga.

Mohd Hassan berkata, Petronas melabur RM27.987 bilion sejak 1976 untuk membangunkan sektor hiliran petroleum termasuk enam loji pemprosesan gas milik penuhnya.

Dalam sektor huluan petroleum, Petronas sudah melabur RM6.67 bilion manakala kontraktor perkongsian pengeluaran (PSC) melabur RM34.50 bilion sejak 1976.

Selain menyalurkan pemindahan teknologi, pelabur asing itu turut memberi kemahiran kepada kakitangan tempatan. Kompleks itu menggajikan lebih 5,000 kakitangan yang sebahagian besarnya rakyat tempatan.

Mohd Hassan berkata, loji petrokimia di Kertih memberi sumbangan besar kepada pembangunan negara apabila merekodkan pendapatan kasar RM17.61 bilion termasuk hasil eksport RM7.94 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac lalu.

Katanya, projek Penggunaan Gas Semenanjung (PGU) yang dibangunkan Petronas sejak 1984 menandakan permulaan era gas. Saluran paip gas sepanjang 1,700 kilometer dari Kertih-Segamat-Pasir Gudang-Kangar menjadi teras pembangunan sektor tenaga Malaysia dengan menarik pelaburan RM20 bilion dalam sektor penjana tenaga bebas (IPP).

(END)